



TEKS UCAPAN  
**MAJLIS PERASMIAN KONVENSYEN  
MARI BELAJAR PERINGKAT NEGERI  
MELAKA 2008**

**YG, BHG. DATO' MOHAMMAD IZAT BIN HASAN**  
KETUA PENGARAH RISDA

DEWAN MAHKOTA, SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SERI MAHKOTA  
UMBAL, MELAKA  
5 JULAI 2008  
10.30 pagi

Yang Berusaha Saudara Pengerusi Majlis

Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Muhammad bin  
Muhammad Taib  
Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

Yang Berhormat Datuk Mohamad Hidhir bin Abu Hassan  
Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Desa dan Pertanian  
Negeri Melaka

Tn. Hj. Sukiman bin Sulong  
Pengarah RISDA Negeri Melaka merangkap Pengerusi Jawatan  
kuasa Induk Konvensyen

Tn. Hj. Osman Derus  
Pengerusi JKKK Kg. Pulai serta semua AJK

Ketua-Ketua Jabatan dari Jabatan Ketua Menteri, KEMAS, FELCRA, JHEOA, MAIM, Jabatan Penerangan, Pejabat Daerah Jasin serta Pengetua SMK Seri Mahkota

dan seterusnya tuan-tuan dan puan-puan penduduk Kg. Pulai yang dikasihi sekalian.

3

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**

## **1.0 PENGHARGAAN**

Alhamdulillah, setinggi-tinggi syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan inayahNya telah mengizinkan kita berkumpul di Dewan Mahkota ini bagi Majlis Perasmian Konvensyen Mari Belajar peringkat Negeri Melaka 2008 pada hari ini. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Jawatankuasa Konvensyen yang telah memberi penghormatan kepada saya untuk memberi sepatah dua kata

4

dalam Majlis ini. Bagi pihak RISDA, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Muhammad bin Muhammad Taib, Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, kerana sudi melapangkan masa untuk hadir walaupun kita tahu beliau amat sibuk pada masa ini. Dalam jadual tugas yang begitu padat dan ketat, YB Menteri masih tetap memberi ruang masa untuk hadir bersama kita bagi memberi amanat dan menyuntik semangat kepada semua. Bersyukur kita kerana YB Tan Sri diletakkan sebagai Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah yang begitu perihatin dan mengambil berat tentang masyarakat luar Bandar. YB Tan Sri merupakan seorang

5

Menteri yang berjiwa rakyat dan betul-betul memperjuangkan untuk pembangunan luar bandar lebih-lebih lagi dalam bidang pendidikan. Ucapan ribuan terima kasih juga kepada YB Datuk Mohamad Hidhir bin Abu Hasan, Exco Pembangunan Desa dan Pertanian Negeri Melaka atas sokongan dan keperihatinan Datuk untuk turut serta dalam Majlis ini. Saya juga mengambil peluang ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada J/Kuasa Konvensyen serta JKKK dan penduduk Kg. Pulai yang telah bertungkus lumus untuk menjayakan Konvensyen ini. Kehadiran Tuan-tuan dan Puan-puan semua melambangkan semangat

6

kekitaan dalam keinginan untuk melihat masyarakat luar bandar kita berjaya.

## **2.0 LATAR BELAKANG KONVENSYEN**

Konvensyen Mari Belajar merupakan cetusan idea murni oleh Yang Berhormat Menteri kita untuk meningkatkan prestasi pembelajaran anak-anak serta meningkatkan kesedaran ibubapa terhadap pembelajaran anak-anak terutamanya di luar bandar. YB Menteri telah melihat bahawa salah satu faktor penting yang menjadi penyumbang utama kepada pembangunan masyarakat

7

luar Bandar adalah elemen pendidikan. Pendidikan adalah pintu kepada dunia dan kunci kepada kehidupan, ketamadunan serta kekuatan bangsanya. Apa yang kita lakukan atau tidak lakukan akan menentukan masa depan kita. Segala usaha gigih hari ini akan menentukan nasib dan corak kehidupan anak-anak kita di masa hadapan. Bak kata pepatah 'Membentuk buluh, biarlah dari rebungnya'.

**Kempen Mari Belajar** ini yang dianjurkan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah diadakan di setiap negeri dan dilaksanakan secara kerjasama oleh agensi-agensi di bawah

8

Kementerian. RISDA telah di beri tanggungjawab sebagai **Pengerusi J/Kuasa Kembar Negeri** bagi Kempen ini di Negeri Melaka, Selangor, Negeri Sembilan dan Pulau Pinang manakala negeri-negeri lain oleh KEMAS, FELCRA, KEDA, KESEDAR, KEJORA, KETENGAH dan Lembaga Kemajuan Bintulu. Tetapi di semua negeri, pihak Kementerian dan semua agensi di bawah Kementerian bekerjasama untuk melaksanakan kempen ini.

### **3. PEMILIHAN KG.PULAI,JASIN, MELAKA**

Kg. Pulai telah dipilih sebagai Kampung Tuan Rumah bagi Konvensyen Mari Belajar di Melaka ini berdasarkan Kriteria yang

telah ditetapkan oleh Kementerian iaitu Kampung Cemerlang yang mempunyai *track record* kecemerlangan kepimpinan Kampung dan juga menepati penyertaan minima 150 pasangan ibu bapa yang mempunyai anak yang bersekolah di peringkat rendah dan menengah dalam kalangan penduduk setempat dan kampung sekitar.

### **3. PERANAN RISDA DALAM PENDIDIKAN**

#### **3.1 Latihan Pekebun Kecil**

Di samping khidmat pengembangan, latihan formal dan informal yang dijalankan secara berterusan untuk pekebun kecil, RISDA juga telah memberi perhatian kepada pendidikan generasi muda pekebun kecil. Bagi RISDA, pembangunan ahli isi rumah perlu di beri penekanan sebagai jaminan untuk meningkatkan pendapatan keluarga serta taraf hidup masyarakat pekebun kecil dan luar bandar. Ini dilaksanakan dengan penubuhan **Institut Kemajuan Pekebun Kecil (IKPK) di Perak, Pahang dan Kelantan, RISTEC**

11

**di Port Dickson dan Kolej RISDA di Melaka.** Kursus-kursus **teknikal dan pemasaran** dijalankan di IKPK manakala **Kursus Bina Insan, keusahawanan dan Kemahiran** dijalankan di RISTEC, Port Dickson. Bagi latihan pekebun kecil, sejumlah **RM 3 juta** di peruntukkan bagi latihan di IKPK. Pada tahun ini setakat Jun 2008, sebanyak **217 kursus** telah dijalankan oleh Bahagian Latihan RISDA melibatkan seramai **4887 orang** peserta.

#### **Peruntukan KKLW**

Selain daripada itu, sejumlah **RM 5.055 juta** disediakan oleh KKLW dibawah Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK),

12

Program Kecemerlangan Pelajar (PKP) dan Program Pembangunan Minda Insan (PPMI) untuk anak-anak pekebun kecil miskin.

### **3.2 Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK)- RM3.3 Juta**

Di bawah Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK) dimana anak-anak Pekebun kecil berumur 18 tahun ke atas diberi peluang mengikuti kursus jangka pendek, sederhana dan panjang termasuk kemahiran asas MLVK. Jenis-jenis kursus yang dijalankan adalah seperti **Kursus Bakeri dan Kek, Kursus**

13

**Kecantikan, Juruteknik Letrik, Baikpulih Telefon Bimbit, Plastic Injection Moulding, Kejuruteraan Marin, Kemahiran Jahitan dan Kejuruteraan Sistem Komputer.** Dibawah Program ini, kursus-kursus ini dikendalikan oleh pembekal-pembekal kursus yang diiktiraf oleh KKLW. Setakat Mei 2008, RISDA telah menguruskan **87 kursus** meliputi **1,037 orang** generasi muda pekebun kecil dengan perbelanjaan **RM 1,175,152.00.**

14

### **3.3 Program Kecemerlangan Pelajar (PKP)- RM 1.045 Juta**

Program Kecemerlangan Pelajar adalah program yang menyediakan bantuan kewangan dan pengurusan bagi membolehkan anak-anak pekebun kecil mengikuti kursus-kursus peningkatan pencapaian akademik. Jenis-jenis kursus adalah seperti **Kem Kepimpinan Pelajar, Motivasi Pelajar Cemerlang, Motivasi Penyediaan PMR dan Motivasi Penyediaan SPM**. Di bawah Program ini, setakat Mei 2008, RISDA telah menguruskan sebanyak **53 kursus** untuk seramai **7,364 orang** anak pekebun kecil melibatkan perbelanjaan **RM 1,548,800.00**.

15

### **3.4 Program Pembangunan Minda Insan (PPMI)- RM 0.71 Juta**

Di bawah PPMI, bantuan kewangan di beri kepada anak-anak Pekebun kecil miskin untuk mengikuti kursus-kursus perubahan sikap, motivasi dan pembangunan insan supaya lebih bermotivasi untuk berusaha meningkatkan ilmu, pendidikan, kemahiran serta pendapatan keluarga. Jenis-jenis kursus yang dijalankan adalah seperti **Kursus motivasi dan perubahan sikap, Bengkel kebahagiaan dan kecemerlangan keluarga serta Motivasi membina keyakinan diri**. Kumpulan sasarannya adalah Ketua Isi Rumah (KIR) yang mempunyai ramai tanggungan, Suri rumah

16



yang ditanggung oleh KIR yang kurang upaya dan Ahli Isi Rumah (AIR) yang ditanggung oleh KIR ibu tunggal.

Setakat Mei 2008, **satu** kursus telah dijalankan untuk seramai **168 orang** dengan perbelanjaan **RM 16,250.00**.

### **3.5 PROGRAM TUISYEN DESA**

Di bawah RMK 9, Kerajaan telah menyediakan peruntukan sejumlah **RM 2 juta** kepada RISDA bertujuan untuk membantu meningkatkan taraf pelajaran anak-anak pekebun kecil yang tinggal di luar bandar terutama mereka yang akan mengambil peperiksaan seperti **UPSR, PMR dan SPM**. Mata Pelajaran yang

17

di beri tumpuan adalah **Matematik, Sains, Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris**. Program ini telah bermula pada tahun 2007. Pada **tahun 2007**, daripada seramai **1,609 pelajar** telah mengikuti kelas tuisyen ini, iaitu meliputi **851 pelajar UPSR, 347 pelajar PMR dan 411 pelajar SPM**.

#### **Keputusan Peperiksaan:**

UPSR – 100 daripada 851 pelajar peroleh 5 A

PMR - 26 daripada 347 pelajar peroleh 5-8 A

SPM – 75 daripada 411 pelajar peroleh 2-9 A

18

Bagi **tahun 2008**, sejumlah **RM 500,000.00** disediakan untuk Program Tuisyen Desa dan di khususkan untuk pelajar SPM sahaja. **Seramai 820 orang pelajar SPM** di 50 Pusat Tuisyen Desa sedang mengikuti kelas tuisyen desa di seluruh negara.

#### **4. PENUTUP**

Saya tidak berniat untuk berucap panjang kerana sebentar lagi YB Menteri akan menyampaikan ucapan yang penting untuk kita hayati. Sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada

19

YB Tan Sri di atas kesudian untuk menghadiri Majlis pada hari ini. Juga terima kasih kami kepada YB Datuk Hidhir serta Ketua-ketua Jabatan dan Agensi yang telah bersama menjayakan Majlis ini. Tidak lupa kepada Tn. Hj. Osman Derus, Pengerusi JKKK dan AJK serta penduduk Kg. Pulai yang telah bekerja keras menyumbangkan tenaga dan masa untuk memastikan majlis pada hari ini berjalan dengan lancar. Saya sungguh berharap usaha tuan-tuan dan puan-puan ini akan membuahkkan hasil seperti yang diharapkan.

**Sekian. Wabillahi taufik walhidayah. Wsb.**

20



TEKS UCAPAN  
**MAJLIS PERASMIAN KONVENSYEN  
MARI BELAJAR PERINGKAT NEGERI  
MELAKA 2008**

**YG. BERTHORMAT SENATOR TAN SRI DATO' SERI MUHAMMAD BIN  
MUHAMMAD TAIB**  
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

DEWAN MAHKOTA, SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SERI MAHKOTA  
UMBAL, MELAKA  
5 JULAI 2008  
11.15 pagi

Yang Berusaha Saudara Pengerusi Majlis

Yang Berbahagia Dato' Mohammad Izat Hasan  
Ketua Pengarah RISDA

Yang BERTHORMAT Datuk Mohamad Hidhir bin Abu Hassan  
Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Desa dan Pertanian  
Negeri Melaka

Tn. Hj. Sukiman bin Sulong  
Pengarah RISDA Negeri Melaka merangkap Pengerusi Jawatan  
kuasa Induk Konvensyen

Tn. Hj. Osman Derus  
Pengerusi JKKK Kg. Pulai serta semua AJK

Ketua-Ketua Jabatan dari Jabatan Ketua Menteri, KEMAS, FELCRA, JHEOA, MAIM, Jabatan Penerangan, Pejabat Daerah Jasin serta Pengetua SMK Seri Mahkota

dan seterusnya tuan-tuan dan puan-puan penduduk Kg. Pulai yang dikasihi sekalian.

3

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**

### **1.0 PENGHARGAAN**

Syukur Alhamdulillah, sekali lagi dapat kita berkumpul pada hari ini untuk Majlis Perasmian Konvensyen Mari Belajar peringkat Negeri Melaka 2008. Saya berharap Dato'2, Tuan-tuan dan Puan-puan dalam keadaan sihat walafiat dan sentiasa dilindungi oleh Allah SWT dalam usaha kita untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab kita.

4

Setinggi penghargaan dan tahniah kepada Jawatankuasa Induk Konvensyen khususnya Kerajaan Negeri Melaka, RISDA serta JKKK Kg. Pulai kerana mengaturkan satu Majlis ilmu seumpama ini yang begitu berfaedah kepada masyarakat luar bandar di lapangan yang menjadi kumpulan sasar Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Ini selaras dengan hasrat kerajaan yang mahukan rakyat berilmu, berpengetahuan dan berwawasan untuk meneruskan pembangunan Negara ke puncak kejayaan.

## **2.0 TUJUAN KONVENSYEN**

Konvensyen Mari Belajar merupakan satu initiative Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah untuk memantapkan pelaksanaan Kempen kesedaran di kalangan ibu bapa mengenai pentingnya sokongan mereka dalam menjayakan pelajaran anak-anak semasa di rumah dengan mendampingi mereka serta mengulang kaji pelajaran. Untuk makluman Tuan-tuan dan Puan-puan, Konvensyen ini dilaksanakan secara menyeluruh disetiap negeri.

Tujuan utama Konvensyen adalah untuk memupuk kesedaran, meluaskan pengetahuan dan meningkatkan kemahiran ibu bapa luar Bandar untuk menjadi pemudahcara pembelajaran anak-anak di rumah. Peranan dan pendekatan yang akan dimainkan oleh ibu bapa di rumah selepas ini adalah sebagai Jurulatih, pemantau dan Pemerhati dalam pelajaran anak di rumah.

Memang telah menjadi budaya orang-orang Melayu, segan berbincang dengan anak-anak mengenai proses perubahan yang mereka sedang lalui. Apa-apa ilmu yang mereka perolehi, mungkin datangnya sebahagian besarnya dari rakan sejawat, sedikit-sedikit

7

daripada guru-guru dan mungkin juga dari buku-buku atau majalah-majalah yang tidak harus mereka baca. Anak-anak kita sekarang begitu terdedah dengan gejala-gejala social yang menuntut satu pendekatan yang bijaksana daripada kita. Sabda Rasulullah, 'Jangan kamu mengajar anak kamu seperti kamu diajar kerana dunia anak kamu adalah begitu asing daripada dunia kamu' Sabda Baginda lebih seribu tahun dahulu amat relevan kepada kita pada hari ini. Kitalah yang menjadi penentu terhadap masa depan kita. Kita yang mengambil keputusan jalan mana yang hendak dilalui

8

### **3.0 PEMBANGUNAN MODAL INSAN**

Pihak kerajaan telah melihat bahawa salah satu faktor yang menjadi penyumbang utama terhadap kesejahteraan dan pembangunan keluarga masyarakat luar bandar adalah elemen pendidikan yang berterusan. Kementerian Luar Bandar dan Wilayah sentiasa perihatin dalam usaha untuk membangunkan modal insan masyarakat luar bandar. Oleh yang demikian Kementerian telah menyahut seruan kerajaan yang ingin membangunkan masyarakat luar bandar melalui saluran pendidikan bagi membentuk dan mewujudkan masyarakat luar bandar yang berjaya. Bukan setakat pelajaran anak sahaja,

9

bahkan kita juga perlu sentiasa meningkatkan ilmu pengetahuan, seperti sabda Nabi ' Belajarlah sehingga ke negeri Cina'. Berbagai-bagai cara boleh digunakan bagi meningkatkan pengetahuan dan ilmu kita, seperti menghadiri kursus-kursus dan seminar. Tetapi ini tidak cukup untuk membawa tuan-tuan dan puan-puan ke tahap kemajuan yang lebih tinggi. Meningkatkan ilmu melalui membaca buku-buku, jurnal-jurnal dan berbagai makalah adalah satu cara yang sangat efektif bagi meningkatkan pengetahuan kita. Selaras dengan zaman ICT ini, Kita juga boleh melayari internet untuk meluaskan pengetahuan kita secara lebih global.

#### **4.0 PENGISIAN PROGRAM KONVENSYEN**

Konvensyen ini akan berlangsung selama 2 hari dan di isi dengan ceramah motivasi, ceramah perdana, Forum Bicara Ulama, Forum Bestari serta Majlis Resolusi Ibu Bapa. Pengisiannya sangat menarik dan amat berguna kepada Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian. Penampilan 7 orang Tokoh Penceramah tersohor yang handal-handal belaka dalam satu konvensyen perlu di ambil perhatian yang serius, bukan senang kita hendak mendapatkan ilmu yang begitu banyak dan berguna dalam masa 2 hari. Oleh itu, saya memohon Tuan-tuan dan Puan-puan supaya mengikuti setiap program yang telah diatitkan dan terimalah ilmu yang

11

disampaikan dengan sebaik mungkin untuk masa depan keluarga kita.

#### **8.0 PENUTUP**

Akhir kata, sekali lagi saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Jawatankuasa Induk Konvensyen di atas usaha yang amat murni ini, moga-moga diberkati Allah S.W.T. Juga kepada YB Datuk Mohd. Hidhir bin Abu Hassan, Exco Pembangunan Desa dan Pertanian Melaka, Dato' Mohammad Izat Hasan, Ketua Pengarah RISDA serta JKKK Kg. Pulai dan semua Jabatan atas

12



sokongan dan kerjasama yang telah diberikan. Semoga Majlis ini memberi manfaat yang sepenuhnya kepada masyarakat luar bandar khususnya penduduk Kg.Pulai ini untuk lebih maju lagi di masa hadapan. Saya mendoakan agar Tuan-tuan dan Puan akan terus maju dan meningkatkan pengetahuan dan akan mempraktikkan apa yang diperolehi dalam konvensyen ini. Azam dan kerjasama dari semua akan dapat menjayakan aktiviti pembangunan luar bandar dan semoga Tuan-tuan dan puan-puan akan terus cemerlang dalam mengharungi kehidupan yang lebih sejahtera.

13

Dengan kata-kata ini dan dengan lafaz 'Bismillahirrahmanirrahim' saya merasmikan **Konvensyen Mari Belajar Peringkat Negeri Melaka 2008**

**Sekian. Wabillahi taufik Walhidayah Wsb.**

14



TEKS UCAPAN  
**MAJLIS PERASMIAN KONVENSYEN  
MARI BELAJAR 2 JAM 3 JAM  
PERINGKAT NEGERI SEMBILAN 2008**

**YG, BHG. DATO' ALI NORDIN BIN WAHIDUDDIN  
TIMBALAN KETUA PENGARAH (PEMBANGUNAN)  
MEWAKILI KETUA PENGARAH RISDA**

KG. PACHITAN, PORT DICKSON  
NEGERI SEMBILAN  
13 DISEMBER 2008  
2.30 Petang

Yang Berusaha Saudara Pengerusi Majlis

Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Muhammad bin  
Muhammad Taib  
Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

Tn. Hj. Abd. Ghafar bin Hj. Borhanudin  
Pengarah RISDA Negeri Sembilan merangkap Pengerusi Jawatan  
kuasa Induk Konvensyen

Tn. Hj. Osman Derus  
Pengerusi JKKK Kg. Pachitan serta semua AJK

Ketua-Ketua Jabatan

dan seterusnya tuan-tuan dan puan-puan penduduk Kg. Pachitan  
yang dikasihi sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**

## **1.0 PENGHARGAAN**

Alhamdulillah, setinggi-tinggi syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan inayahNya telah mengizinkan kita berkumpul di Kg. Pachitan ini bagi Majlis Perasmian Konvensyen Mari Belajar 2 Jam 3 Jam peringkat Negeri Sembilan 2008 pada hari ini. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Jawatankuasa Konvensyen yang telah memberi penghormatan kepada saya untuk memberi sepatah dua

3

kata dalam Majlis ini. Bagi pihak RISDA, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Muhammad bin Muhammad Taib, Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, kerana sudi melapangkan masa untuk hadir walaupun kita tahu beliau amat sibuk pada masa ini. Dalam jadual tugas yang begitu padat dan ketat, YB Menteri masih tetap memberi ruang masa untuk hadir bersama kita bagi memberi amanat dan menyuntik semangat kepada semua. Bersyukur kita kerana YB Tan Sri diletakkan sebagai Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah yang begitu perihatin dan mengambil berat tentang masyarakat luar Bandar. YB Tan Sri merupakan seorang

4

Menteri yang berjiwa rakyat dan betul-betul memperjuangkan untuk pembangunan luar bandar lebih-lebih lagi dalam bidang pendidikan. Saya juga mengambil peluang ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada J/Kuasa Konvensyen serta JKKK dan penduduk Kg. Pachitan yang telah bertungkus lumus untuk menjayakan Konvensyen ini. Kehadiran Tuan-tuan dan Puan-puan semua melambangkan semangat kekitaan dalam keinginan untuk melihat masyarakat luar bandar kita berjaya.

## **2.0 LATAR BELAKANG KONVENSYEN**

Konvensyen Mari Belajar 2 Jam 3 Jam ini merupakan cetusan idea murni oleh Yang Berhormat Menteri kita untuk meningkatkan prestasi pembelajaran anak-anak serta meningkatkan kesedaran ibubapa terhadap pembelajaran anak-anak terutamanya di luar bandar. YB Menteri telah melihat bahawa salah satu faktor penting yang menjadi penyumbang utama kepada pembangunan masyarakat luar Bandar adalah elemen pendidikan. Pendidikan adalah pintu kepada dunia dan kunci kepada kehidupan, ketamadunan serta kekuatan bangsanya. Apa yang kita lakukan

atau tidak lakukan akan menentukan masa depan kita. Segala usaha gigih hari ini akan menentukan nasib dan corak kehidupan anak-anak kita di masa hadapan. Bak kata pepatah 'Membentuk buluh, biarlah dari rebungnya'.

**Kempen Mari Belajar** ini yang dianjurkan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah diadakan di setiap negeri dan dilaksanakan secara kerjasama oleh agensi-agensi di bawah Kementerian. RISDA telah di beri tanggungjawab sebagai **Pengerusi J/Kuasa Kembar Negeri** bagi Kempen ini di Negeri Melaka, Selangor, Negeri Sembilan dan Pulau Pinang manakala

7

negeri-negeri lain oleh KEMAS, FELCRA, KEDA, KESEDAR, KEJORA, KETENGAH dan Lembaga Kemajuan Bintulu. Tetapi di semua negeri, pihak Kementerian dan semua agensi di bawah Kementerian bekerjasama untuk melaksanakan kempen ini.

### **3. PEMILIHAN KG. PACHITAN, PORT DICKSON**

Kg. Pachitan telah dipilih sebagai Kampung Tuan Rumah bagi Konvensyen Mari Belajar di Negeri Sembilan ini berdasarkan Kriteria yang telah ditetapkan oleh Kementerian iaitu Kampung Cemerlang yang mempunyai *track record* kecemerlangan kepimpinan Kampung dan juga menepati penyertaan minima 150

8

pasangan ibu bapa yang mempunyai anak yang bersekolah di peringkat rendah dan menengah dalam kalangan penduduk setempat dan kampung sekitar.

### **3. PERANAN RISDA DALAM PENDIDIKAN**

#### **3.1 Latihan Pekebun Kecil**

Di samping khidmat pengembangan, latihan formal dan informal yang dijalankan secara berterusan untuk pekebun kecil, RISDA juga telah memberi perhatian kepada pendidikan generasi muda pekebun kecil. Bagi RISDA, pembangunan ahli isi rumah perlu di

9

beri penekanan sebagai jaminan untuk meningkatkan pendapatan keluarga serta taraf hidup masyarakat pekebun kecil dan luar bandar. Ini dilaksanakan dengan penubuhan **Institut Kemajuan Pekebun Kecil (IKPK) di Perak, Pahang dan Kelantan, RISTEC di Port Dickson dan Kolej RISDA di Melaka**. Kursus-kursus **teknikal dan pemasaran** dijalankan di IKPK manakala **Kursus Bina Insan, keusahawanan dan Kemahiran** dijalankan di RISTEC, Port Dickson. Bagi latihan pekebun kecil, sejumlah **RM 3 juta** di peruntukkan bagi latihan di IKPK.

## **Peruntukan KKLW**

Selain daripada itu, sejumlah **RM 5.055 juta** disediakan oleh KKLW dibawah Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK), Program Kecemerlangan Pelajar (PKP) dan Program Pembangunan Minda Insan (PPMI) untuk anak-anak pekebun kecil miskin.

### **3.2 Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK)- RM3.3 Juta**

Di bawah Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK) dimana anak-anak Pekebun kecil berumur 18 tahun ke atas diberi peluang

mengikuti kursus jangka pendek, sederhana dan panjang termasuk kemahiran asas MLVK. Jenis-jenis kursus yang dijalankan adalah seperti **Kursus Bakeri dan Kek, Kursus Kecantikan, Juruteknik Letrik, Baikpulih Telefon Bimbit, Plastic Injection Moulding, Kejuruteraan Marin, Kemahiran Jahitan dan Kejuruteraan Sistem Komputer**. Dibawah Program ini, kursus-kursus ini dikendalikan oleh pembekal-pembekal kursus yang diiktiraf oleh KKLW.

### **3.3 Program Kecemerlangan Pelajar (PKP)- RM 1.045 Juta**

Program Kecemerlangan Pelajar adalah program yang menyediakan bantuan kewangan dan pengurusan bagi membolehkan anak-anak pekebun kecil mengikuti kursus-kursus peningkatan pencapaian akademik. Jenis-jenis kursus adalah seperti **Kem Kepimpinan Pelajar, Motivasi Pelajar Cemerlang, Motivasi Penyediaan PMR dan Motivasi Penyediaan SPM.**

### **3.4 Program Pembangunan Minda Insan (PPMI)- RM 0.71 Juta**

Di bawah PPMI, bantuan kewangan di beri kepada anak-anak Pekebun kecil miskin untuk mengikuti kursus-kursus perubahan

sikap, motivasi dan pembangunan insan supaya lebih bermotivasi untuk berusaha meningkatkan ilmu, pendidikan, kemahiran serta pendapatan keluarga. Jenis-jenis kursus yang dijalankan adalah seperti **Kursus motivasi dan perubahan sikap, Bengkel kebahagiaan dan kecemerlangan keluarga serta Motivasi membina keyakinan diri.** Kumpulan sasarannya adalah Ketua Isi Rumah (KIR) yang mempunyai ramai tanggungan, Suri rumah yang ditanggung oleh KIR yang kurang upaya dan Ahli Isi Rumah (AIR) yang ditanggung oleh KIR ibu tunggal.



### **3.5 PROGRAM TUISYEN DESA**

Di bawah RMK 9, Kerajaan telah menyediakan peruntukan sejumlah **RM 2 juta** kepada RISDA bertujuan untuk membantu meningkatkan taraf pelajaran anak-anak pekebun kecil yang tinggal di luar bandar terutama mereka yang akan mengambil peperiksaan seperti **UPSR, PMR dan SPM**. Mata Pelajaran yang di beri tumpuan adalah **Matematik, Sains, Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris**. Program ini telah bermula pada tahun 2007.

Bagi **tahun 2008**, sejumlah **RM 500,000.00** disediakan untuk Program Tuisyen Desa dan di khususkan untuk pelajar SPM

15

sahaja. **Seramai 820 orang pelajar SPM** di 50 Pusat Tuisyen Desa telah mengikuti kelas tuisyen desa di seluruh negara.

### **4. PENUTUP**

Saya tidak berniat untuk berucap panjang kerana sebentar lagi YB Menteri akan menyampaikan ucapan yang penting untuk kita hayati. Sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada YB Tan Sri di atas kesudian untuk menghadiri Majlis pada hari ini. Juga terima kasih kami kepada Ketua-ketua Jabatan dan Agensi yang telah bersama menjayakan Majlis ini. Tidak lupa

16

kepada Pengerusi JKKK dan AJK serta penduduk Kg. Pachitan yang telah bekerja keras menyumbangkan tenaga dan masa untuk memastikan majlis pada hari ini berjalan dengan lancar. Saya sungguh berharap usaha tuan-tuan dan puan-puan ini akan membuahkan hasil seperti yang diharapkan.

**Sekian. Wabillahi taufik walhidayah. Wsb.**



TEKS UCAPAN  
**MAJLIS PERASMIAN KONVENSYEN  
MARI BELAJAR 2 JAM 3 JAM  
PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG**

**YG. BERBAHAGIA DATO' MOHAMMAD IZAT HASAN  
KETUA PENGARAH RISDA**

DEWAN JKKK KG.SG. CHENAAM  
SEBERANG PERAI SELATAN, PULAU PINANG  
18 OKTOBER 2008  
3.00 PETANG

Yang Berusaha Saudara Pengerusi Majlis

Yg. Berbahagia Dato' Zainal Abidin bin Osman  
Penasihat Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

Ketua-Ketua Jabatan

Pengetua –Pengetua SekolahSekolah

dan seterusnya tuan-tuan dan puan-puan penduduk Kg. Sg.  
Chenaam, yang dikasihi sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**

## **1.0 PENGHARGAAN**

Alhamdulillah, setinggi-tinggi syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan inayahNya telah mengizinkan kita berkumpul di Dewan ini bagi Majlis Perasmian Konvensyen Mari Belajar peringkat Negeri Pulau Pinang 2008 pada hari ini. Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan di sini untuk menyampaikan salam daripada Yang Berbahagia Dato' Mohammad Izat Hasan, Ketua Pengarah RISDA yang tidak dapat hadir pada hari ini kerana terlibat dengan urusan rasmi yang lain.

3

Bagi pihak pengurusan RISDA, saya amat mengalu-alukan dan berterima kasih di atas kesudian Yang Berbahagia Dato' Zainal Abidin bin Osman, Penasihat Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, melapangkan masa hadir untuk menyempurnakan Majlis pada hari ini. Sesungguhnya kehadiran Yang Berbahagia Tan Sri begitu bermakna kepada semua yang hadir pada hari ini. Juga terima kasih kepada semua Ketua Jabatan dan Pengetua Sekolah yang telah memberi kerjasama untuk menjayakan Konvensyen ini.

4

## 2.0 TUJUAN KONVENSYEN

Konvensyen Mari Belajar 2 Jam 3 Jam telah dilancarkan pada 27 Mei 2006 oleh YAB Timbalan Perdana Menteri sempena Majlis Pelancaran Program Pembangunan Modal Insan Luar Bandar di Stadium Melawati, Shah Alam. Kempen ini bertujuan untuk memupuk kesedaran di kalangan ibu bapa mengenai pentingnya sokongan mereka dalam menjayakan pelajaran anak-anak semasa di rumah dengan mendampingi mereka mengulang kaji pelajaran selama 2-3 jam setiap hari. Konvensyen Mari Belajar Peringkat Kampung ini pula merupakan satu initiative Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah untuk memantapkan

5

pelaksanaan Kempen dengan melibatkan perkongsian pengalaman ibu bapa yang berjaya menerapkan budaya ini, serta ceramah-ceramah panduan menjadi fasilitator pembelajaran serta panduan-panduan lain. Untuk makluman Tuan-tuan dan Puan-puan, Konvensyen ini dilaksanakan secara menyeluruh disetiap negeri. RISDA telah di beri tanggungjawab sebagai **Pengerusi J/Kuasa Kembar Negeri** bagi Kempen ini di Negeri Melaka, Selangor, Negeri Sembilan dan Pulau Pinang manakala negeri-negeri lain oleh KEMAS, FELCRA, KEDA, KESEDAR, KEJORA, KETENGAH dan Lembaga Kemajuan Bintulu. Tetapi di semua negeri, pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

6

dan semua agensi di bawah Kementerian bekerjasama untuk melaksanakan kempen ini.

Tujuan utama Konvensyen adalah untuk memupuk kesedaran, meluaskan pengetahuan dan meningkatkan kemahiran ibu bapa luar Bandar untuk menjadi pemudahcara pembelajaran anak-anak di rumah.

Selain daripada pelajaran sekolah, kita juga perlu memimpin anak-anak kita dalam semua aspek kehidupan. Memang telah menjadi budaya orang-orang Melayu, segan berbincang dengan anak-anak mengenai proses perubahan yang mereka sedang lalui. Apa-apa

ilmu yang mereka perolehi, mungkin datangnya sebahagian besarnya dari rakan sejawat, sedikit-sedikit daripada guru-guru dan mungkin juga dari buku-buku atau majalah-majalah yang tidak harus mereka baca. Anak-anak kita sekarang begitu terdedah dengan gejala-gejala sosial yang menuntut satu pendekatan yang bijaksana daripada kita. Sabda Rasulullah, 'Jangan kamu mengajar anak kamu seperti kamu diajar kerana dunia anak kamu adalah begitu asing daripada dunia kamu' Sabda Baginda lebih seribu tahun dahulu amat relevan kepada kita pada hari ini. Kitalah yang menjadi penentu terhadap masa depan kita. Kita yang mengambil keputusan jalan mana yang hendak dilalui

### **3.0 MATLAMAT KONVENSYEN**

Untuk makluman Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian, matlamat Konvensyen ini adalah

- a. Memupuk kesedaran, meluaskan pengetahuan dan meningkatkan kemahiran ibu bapa luar bandar untuk menjadi fasilitator pembelajaran anak-anak di rumah.
- b. Mewujudkan institusi keluarga yang utuh sebagai platform pencegahan gejala sosial dan perunding kerjaya anak-anak setelah tamat pendidikan formal peringkat menengah.

### **4.0 PERANAN IBU BAPA**

Terdapat 4 peranan yang perlu dimainkan oleh Tuan-tuan dan Puan-puan sebagai ibu bapa iaitu:

- a. Jurulatih** – Ibu bapa akan mengawal secara formal anak-anak semasa belajar di rumah
- b. Pemudahcara** – Ibu Bapa akan membantu mempermudah anak-anak belajar di rumah dengan memberi galakan, motivasi dan insentif supaya anak rajin atau berminat untuk belajar di samping berusaha menyediakan kemudahan yang selesa dan mewujudkan suasana yang kondusif untuk belajar.

**c. Pemantau** – Ibu Bapa memastikan anak-anak berada di rumah dan melakukan aktiviti mengulang kaji atau menyelesaikan kerja sekolah. Pemantauan dilakukan sama ada secara dekat(bersemuka) atau secara jauh (telefon).

**d. Pemerhati** – Ibu Bapa memastikan anak-anak bersama semasa sesi pembelajaran anak-anak di rumah. Ibu Bapa lebih berperanan untuk memerhati sahaja anak belajar serta mengambil tahu perkembangan pencapaian anak.

Selama 2 hari ini, tuan-tuan dan puan-puan akan di beri penerangan yang lebih jelas oleh penceramah-penceramah yang mahir dan pakar dalam bidang ini.

## **5.0 PENGISIAN PROGRAM KONVENSYEN**

Konvensyen ini akan berlangsung selama 2 hari dan di isi dengan ceramah motivasi, ceramah perdana, Forum Bicara Ulama, Forum Bestari serta Majlis Resolusi Ibu Bapa. Pengisiannya sangat menarik dan amat berguna kepada Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian. Penampilan 7 orang Tokoh Penceramah tersohor yang handal-handal belaka dalam satu konvensyen perlu di ambil perhatian yang serius, bukan senang kita hendak mendapatkan ilmu yang begitu banyak dan berguna dalam masa 2 hari. Oleh itu, saya memohon Tuan-tuan dan Puan-puan supaya mengikuti setiap program yang telah diatitkan dan terimalah ilmu yang



disampaikan dengan sebaik mungkin untuk masa depan keluarga kita.

## **6.0 PENUTUP**

Akhir kata, sekali lagi saya bagi pihak Yang Berbahagia Dato' Ketua Pengarah RISDA mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berbahagia Dato' Zainal Abidin bin Osman, Penasihat KKLW ke atas kesudian menghadiri dan seterusnya menyempurnakan Majlis Perasmian Konvensyen Mari Belajar 2 Jam 3 Jam peringkat Negeri Pulau Pinang ini. Juga tahniah kepada Jawatankuasa Induk Konvensyen di atas usaha

yang amat murni ini, moga-moga diberkati Allah S.W.T. Juga kepada Pengerusi serta ahli JKKK Kg. Sg. Chenaam serta semua Ketua-Ketua Jabatan atas sokongan dan kerjasama yang telah diberikan. Semoga Majlis ini memberi manfaat yang sepenuhnya kepada masyarakat luar bandar khususnya penduduk Kg. ini untuk lebih maju lagi di masa hadapan. Saya mendoakan agar Tuan-tuan dan Puan akan terus maju dan meningkatkan pengetahuan dan akan mempraktikkan apa yang diperolehi dalam konvensyen ini. Azam dan kerjasama dari semua akan dapat menjayakan aktiviti pembangunan luar bandar dan semoga Tuan-tuan dan

puan-puan akan terus cemerlang dalam mengharungi kehidupan yang lebih sejahtera.

**Sekian. Wabillahi taufik Walhidayah Wsb.**